

Headline	Kios bayar bil TNB di semua cawangan		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	Berjimat atasi beban kenaikan	Page No	31
ArticleSize	69 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,763		



Kios bayar bil TNB di semua cawangan

JOHOR BAHRU 28 Nov. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan memperluaskan penggunaan kios pembayaran bil ke seluruh cawangan di negeri ini bagi membolehkan pelanggan membayar bil dengan lebih mudah pada masa akan datang.

Pengurus Besar TNB negeri, Mohd. Yusuf Ibrahim berkata, setakat ini terdapat enam kios pembayaran bil ditempatkan iaitu di Pusat Khidmat Pelanggan TNB di Wisma TNB, Johor Bahru; Johor Jaya, Kulaijaya, Kluang, Batu Pahat dan Muar.

Beliau berkata, pembukaan kios itu bukan sahaja memudahkan pelanggan, malah membantu mengurangkan tempoh menunggu di kaunter Pusat Khidmat Pelanggan TNB.

“Kios mesra pengguna ini beroperasi dari pukul 8 pagi hingga 10 malam setiap hari,” katanya di sini semalam.